

PENGENDALIAN MEDIASI Secara Dalam Talian (Online)



Pra Mediasi

- 1 Isi borang persetujuan mediasi yang boleh didapati di laman web mahkamah yang berkenaan dan e-mel permohonan kepada Pusat Mediasi terbabit.
- 2 Mediator yang dilantik akan menghubungi pihak-pihak melalui e-mel / telefon.
- 3 Pihak-pihak perlu menyediakan perkara berikut untuk dihantar kepada Pusat Mediasi secara e-mel:
 - nombor kes di Mahkamah Bicara;
 - fakta kes;
 - tarikh dan masa lapang pihak-pihak; dan
 - nama, nombor telefon dan e-mel pihak-pihak serta Peguam-Peguam yang terlibat.
- 4 Wakil yang dilantik hendaklah mempunyai mandat untuk membuat keputusan.



Semasa Mediasi

- 1 Mediator akan mengaturkan sesi perbincangan menggunakan "mode video call" yang telah dipersetujui (contoh: Skype atau Zoom).
- 2 Semua pihak hendaklah memastikan talian internet stabil sepanjang sesi.
- 3 Rakaman semasa sesi sedang berlangsung tidak dibenarkan sama sekali.
- 4 Pihak-pihak adalah tertakluk kepada peraturan-peraturan mediasi sedia ada.
- 5 Sesi mediasi dimulakan dengan Peguam.
- 6 Sesi seterusnya bersama pihak-pihak sama ada secara bersama/berasingan, mengikut persetujuan semua pihak.
- 7 Bagi sesi berasingan, Mediator akan membuka dua (2) "chat room" berbeza untuk setiap pihak.
- 8 Menggunakan medium "chat" jika terdapat masalah teknikal terhadap video ataupun audio.



Pasca Mediasi

- 1 Bagi kes yang berjaya diselesaikan, Peguam hendaklah menghantar draf perintah yang telah dipersetujui dan ditandatangani oleh Peguam / pihak-pihak melalui e-mel kepada Mahkamah Bicara untuk mendapatkan tarikh bagi merekodkan Perintah Persetujuan.
- 2 Sesalinan draf perintah hendaklah dihantar ke Pusat Mediasi sebagai makluman.
- 3 Kes yang gagal mencapai penyelesaian akan dihantar semula kepada Mahkamah Bicara.
- 4 Sebarang perbincangan lanjut mengenai kes hendaklah dibuat melalui telefon / e-mel.



PENGENDALIAN MEDIASI di Pusat Mediasi Mahkamah



Pra Mediasi

- 1 Isi borang persetujuan mediasi yang boleh didapati di laman web mahkamah yang berkenaan dan e-mel permohonan kepada Pusat Mediasi terbabit.
- 2 Pusat Mediasi akan menghubungi pihak-pihak melalui e-mel / telefon.
- 3 Pihak-pihak perlu menyediakan perkara berikut untuk dihantar kepada Pusat Mediasi melalui e-mel:
 - nombor kes di Mahkamah Bicara;
 - fakta kes;
 - tarikh dan masa lapang pihak-pihak; dan
 - nama, nombor telefon dan e-mel pihak-pihak serta Peguam-Peguam yang terlibat.



Semasa Mediasi

- 1 Pihak-pihak yang hadir semasa hari mediasi hendaklah mendaftarkan kehadiran melalui Sistem Pengesanan Pelawat Mahkamah (secara imbasan kod QR) atau borang pelawat yang boleh didapati di www.kehakiman.gov.my
- 2 Perlu mematuhi penjarakan sosial seperti yang ditetapkan.
- 3 Pusat Mediasi akan memastikan pembersihan / proses penyahjangkitan dibuat secara berterusan di bilik mediasi / ruang menunggu / kaunter pendaftaran.
- 4 Sanitasi tangan dan pemakaian pelitup muka wajib dipatuhi oleh setiap pihak yang hadir untuk sesi mediasi.
- 5 Pihak-pihak diminta hadir di Pusat Mediasi 15 minit sebelum waktu yang ditetapkan.
- 6 Sesi mediasi mungkin akan terbatal jika pihak-pihak gagal hadir dalam tempoh tersebut.
- 7 Setiap pihak digalakkan menghantar hanya seorang wakil untuk menghadiri sesi mediasi.
- 8 Wakil yang hadir hendaklah mempunyai mandat untuk membuat keputusan.
- 9 Bagi mediasi yang dijalankan di Pusat Mediasi, pihak-pihak adalah tertakluk kepada peraturan-peraturan mediasi yang sedia ada.



Pasca Mediasi

- 1 Bagi kes yang berjaya diselesaikan, Peguam hendaklah menghantar draf perintah yang telah dipersetujui dan ditandatangani oleh Peguam / pihak-pihak melalui e-mel kepada Mahkamah Bicara untuk mendapatkan tarikh bagi tujuan merekodkan Perintah Persetujuan.
- 2 Sesalinan draf perintah hendaklah dihantar ke Pusat Mediasi sebagai makluman.
- 3 Kes yang gagal mencapai penyelesaian akan dikembalikan semula kepada Hakim atau Majistret Mahkamah Bicara.

